

Kelebihan Syukur

Daripada Jabir bin Abdillah R.Anhuma, katanya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أُعْطِيَ عَطَاءً فَوَجَدَ فَلْيَجْزِ بِهِ، فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فَلْيُشْنِ بِهِ، فَمَنْ أَنْتَى بِهِ فَقَدْ شَكَرَهُ،
وَمَنْ كَتَمَهُ فَقَدْ كَفَرَهُ

Maksudnya: “Siapa yang diberikan kurniaan dan dia mendapatinya, maka hendaklah dibalas dengannya. Dan jika tidak dapat membalasnya, maka hendaklah dia memujinya. Dan siapa yang memujinya, maka dia termasuk yang mensyukurinya. Dan siapa yang menyembunyikannya, maka dia mengkufurinya.”

Riwayat Abu Daud (4814), al-Tirmizi (2024) dan al-Bukhari dalam *al-Adab al-Mufrad* (215). Hadis ini adalah hasan

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis di atas menyamai hadis al-Nu'man bin Basyir RA sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Bercakap mengenai nikmat Allah bererti syukur; dan sesiapa yang meninggalkannya bererti kufur; dan sesiapa yang tidak bersyukur sedikit nescaya dia tidak bersyukur yang banyak, dan siapa yang tidak bersyukur kepada manusia dia tidak bersyukur kepada Allah.” - Riwayat Ahmad dalam *Musnad* (4/278) dan al-Baihaqi dalam *Syu'ab al-Iman* (4/102). Hadis ini adalah hadis hasan.
2. Bersyukur adalah suatu tindak balas yang baik, sama ada melalui perkataan atau perbuatan terhadap kebaikan yang diterima oleh seseorang. Sesuatu

kebaikan sering dibalas dengan perkataan yang baik, yang indah dan luhur serta perbuatan yang menggambarkan pemberian itu diterima dengan penuh penghargaan dan terima kasih. Biasanya kata-kata pujian dan sanjungan diluahkan oleh penerima kepada orang yang memberi.

3. Syeikh Muhammad Abduh mendefinisikan syukur sebagai berikut: *“Dan tidak dikatakan bersyukur kecuali jika seseorang menggunakan dan memanfaatkan segala nikmat-nikmat itu dalam hal-hal untuk apa nikmat itu diberikan.”*
4. Oleh itu, bersyukur tidak memadai dengan membaca atau mengucapkan lafaz الحمد لله dan شكر الله sahaja. Erti bersyukur yang sebenarnya ialah meliputi lisan, hati dan anggota badan.

Cara Bersyukur

Bagaimanakah caranya kita bersyukur kepada Allah SWT? Bersyukur kepada Allah SWT ialah dengan mengekalkan baik sangka terhadap Allah SWT dan meletakkan keyakinan kepada-Nya dalam apa jua keadaan. Perkataan yang terlafaz dari mulut kita tentang Allah SWT hanyalah kata-kata pujian, sanjungan dan pujaan. Justeru, hanya Allah SWT yang layak menerima kata-kata seperti itu. Tidak seharusnya terlafaz daripada diri kita perasaan benci, kecewa, buruk sangka dan perasaan seumpama itu terhadap Allah SWT.

Baginda membanyakkan ibadat sebagai amalan kesyukuran kepada Allah SWT. Oleh itu, melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya, adalah pernyataan kesyukuran yang paling utama. Ini diikuti dengan mengerjakan amalan-amalan sunat bagi menyempurnakan kesyukuran itu.

Tanda dan Alamat Bersyukur

Firman Allah SWT:

وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ

Maksudnya: Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepada-Nya.

(Surah al-Duha: 11)

Maksud menceritakan dengan nikmat Allah ialah dengan mengiktiraf dengannya secara bersyukur. Ibn Abi Nujaih meriwayatkan daripada Mujahid, maksud dengan nikmat Tuhan ialah al-Quran dan beliau juga berkata dengan kenabian.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Orang yang dianggap paling bersyukur kepada Allah ialah orang yang paling banyak berterima kasih kepada manusia.”*

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Sesiapa yang diberi suatu kebaikan hendaklah dia mengingatinya, sesiapa yang mengingatinya nescaya dia dianggap bersyukur. Sesiapa yang tidak mengenangkan budi yang diberi, nescaya dia dianggap sebagai kufur nikmat.”*

Tanda bersyukur dalam perkhidmatan ialah dengan menjadikan khidmat kepada negara dan orang ramai sebagai ibadah. Tugas yang dijalankan sama ada di sektor awam dan swasta, bukan semata-mata untuk mencari nafkah, tetapi lebih daripada itu.

Selain daripada bertujuan mencari nafkah, ia juga hendaklah memenuhi tuntutan ibadah iaitu mencari nafkah untuk diri dan keluarga bagi memenuhi kewajipan yang ditentukan oleh Allah SWT.

Jika ini menjadi matlamat, maka nafkah yang diperolehi mestilah nafkah yang halal, kerana tujuannya ialah untuk menunaikan kewajipan yang ditentukan oleh Allah SWT terhadap diri dan keluarga. Demikian juga gaji dan elaun yang diterima hendaklah bersih daripada sesuatu yang haram, seperti rasuah, tuntutan berlebihan daripada sepatutnya dan sebagainya.

Gaji yang diperolehi hendaklah merupakan bayaran kepada perkhidmatan kita mengikut perjanjian yang telah dipersetujui antara kita dengan majikan. Justeru itu, kerja yang dilakukan mestilah jujur dan ikhlas supaya kita tidak mengambil bayaran yang kita tidak lakukan seperti sepatutnya. Bahkan, untuk menjamin pendapatan kita bersih dan diredai oleh Allah SWT. Sewajarnya kita bekerja lebih daripada apa yang dijanjikan.

Tujuan seseorang diambil berkhidmat adalah untuk menggerakkan jentera kerajaan atau swasta supaya dia dapat memberikan khidmat yang memuaskan kepada orang ramai di samping meningkatkan kemajuan serta kemakmuran negara. Justeru itu, khidmat kakitangan awam atau pekerja bukanlah sekadar mencari

nafkah sahaja, sebaliknya ia hendaklah menjadi saluran untuk mendapatkan pahala yang besar, jika dilaksanakan dengan niat.

Berkhidmat kepada orang ramai, berusaha memberikan kebaikan dan kemudahan kepada rakyat, membasmi kemiskinan dan sebagainya, menjadi ibadah jika dilaksanakan dengan ikhlas dan jujur untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Oleh sebab keredaan Allah SWT itu tidak terbatas, tidak luput dan tidak akan habis, manusia boleh memberikan khidmat sebanyak mungkin bagi mendapatkan keredaan itu.

Dengan bekerja dan berkhidmat sebagai ibadah seseorang akan merasai kepuasan daripada kerjanya, mencintai kerjayanya dan berdedikasi dalam menjalankan tugasnya. Hasilnya, produktiviti bertambah dan nikmat Allah SWT akan mencurah-curah.

Bersyukurlah kita kepada Allah SWT dan jadikanlah perkhidmatan kita satu ibadah yang pahalanya akan berterusan.

Kelebihan Bersyukur

Firman Allah SWT:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.*

(Surah Ibrahim: 7)

5. Al-Hasan berkata: Jika kamu bersyukur atas nikmat-Ku, nescaya Aku tambahkan kepadamu daripada ketaatan-Ku. Ibn Abbas pula berkata: Jika kamu mentauhidkan dan mentaatiku, nescaya aku tambahkanmu daripada pahala. Ayat ini merupakan nas bahawa bersyukur merupakan sebab penambahan nikmat dan kurniaan Allah.

6. Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Orang makan yang bersyukur, lebih baik daripada orang yang sabar lagi berpuasa.”* - Riwayat Ahmad, al-Tirmizi, Ibn Majah, Ibn Hibban, al-Hakim, al-Baihaqi dan Abu Nuaim
7. Daripada Ibn Abbas R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Tiga perkara siapa yang memilikinya nescaya Allah akan melindunginya di bawah lindungan dan Allah akan memberi rahmat kepadanya serta memasukkannya ke dalam syurga, iaitu orang-orang yang apabila ia diberi sesuatu nikmat ia bersyukur; apabila ia berkuasa membalas, tetapi ia memaafkan, apabila ia marah, ia menahan kemarahannya.”* - Riwayat al-Hakim, al-Baihaqi dan Ibn Hibban
8. Qadath berkata sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Empat perkara siapa yang diberinya, bererti telah diberi keuntungan dunia dan akhirat: Lidah yang selalu berzikir; hati yang selalu bersyukur; badan yang selalu sabar; dan isteri mukminah yang solehah.”* - Riwayat Abu Laith al-Samarqandi

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Nikmat-nikmat itu jika disyukuri akan tetap bertahan, dan jika diingkari akan lari. Dunia itu jika diperlakukan dengan huru-hara akan berlalu, dan jika diperlakukan dengan bijaksana akan menipu.
- ❖ **Seorang ahli hikmah berkata:** Saya sibuk mensyukuri empat perkara:
 - Allah telah menjadikan seribu macam makhluk, sedang yang termulia dari semua itu adalah anak Adam, lalu Allah menjadikan aku dari anak Adam.
 - Allah telah melebihkan orang lelaki daripada wanita, lalu menjadikan aku lelaki.
 - Aku mengetahui bahawa Islam itu sebaik-baik agama, dan yang diterima oleh Allah, lalu aku dijadikan sebagai seorang muslim.
 - Aku mengetahui bahawa umat Muhammad itu semulia-mulia umat, lalu Allah menjadikan aku dari umat Nabi Muhammad SAW.

Kisah Teladan

Al-Qahir, salah seorang khalifah Bani Abasyiyah berkata: Saya menyimpan bekalan untuk satu tahun dan memelihara harta untuk hari-hari susah. Maka diapun membuat sebuah lubang di tanah dan mengisinya dengan emas dan perak! Sementara dia tidak mempercayai Allah, lalu dia berkata kepada anak-anaknya: Wahai anak-anakku, kalian jangan takut miskin, aku sudah memenuhi lubang ini dengan harta yang banyak, kalau sekiranya dibahagikan kepada seluruh penduduk Baghdad ini, maka setiap penduduknya akan menjadi pedagang.

Lalu apa yang Allah berikan kepadanya, tatkala dia menyimpang dan tidak mematuhi perintah Allah? Akhirnya, diapun dipecat dari jawatan khalifah, kedua matanya dicungkil, semua harta kekayaannya disita dan diberikan kepada khalifah yang sesudahnya, akhirnya diapun berdiri menjadi peminta sedekah di depan Masjid Jami' di Baghdad lalu berkata: Wahai hamba-hamba Allah, infaqkanlah sebahagian daripada harta Allah. Mereka mengatakan: Perhatikanlah orang ini, tatkala dia mensia-siakan Allah, maka kemudian Allah pun mensia-siakannya. Allah SWT berfirman:

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِمَن كَانَ لَهُ قَلْبٌ أَوْ أَلْقَى السَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ

Maksudnya: Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat peringatan bagi orang-orang yang mempunyai hati atau menggunakan pendengarannya, sedang dia menyaksikannya.

(Surah Qaf: 37)

Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ آتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنِ اشْكُرْ لِلَّهِ ۚ وَمَن يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ ۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmat-Nya kepadamu). Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.

(Surah Luqman: 12)

Hikmah di sini dengan maksud kenabian tetapi yang sebenarnya Luqman merupakan seorang cerdas dengan hikmah Allah SWT yaitu kebenaran dalam iktikad dan feqah pada agama dan akalan, merupakan seorang qadi di kalangan Bani Israel. Sebagaimana kata Ibn Abbas dan mengikut riwayat Ibn Umar, Nabi SAW bersabda: yang bermaksud: *“Bukanlah Luqman seorang Nabi tetapi seorang hamba yang banyak berfikir, baik keyakinannya, cintakan Allah lantas Allah cintakannya dan dikurniakan kepadanya hikmah.”*

Qatadah berkata: Allah memberi pilihan kepada Luqman, antara kenabian dan hikmah, lantas dipilih hikmah.

